

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, February 25, 2020 3:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DYTМ Raja Muda Kedah Terima Menghadap Naib Canselor



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 FEBRUARI 2020 / 1 REJAB 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

DYTM RAJA MUDA KEDAH TERIMA MENGHADAP NAIB CANSELOR



UUM ONLINE: Alor Setar - Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah Darul Aman telah berkenan menerima menghadap Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Wisma Darulaman, semalam.

Majlis menghadap itu bertujuan untuk menyebarkan maklum tentang Majlis Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) dan Perkhidmatan Cemerlang 2020, seterusnya menyebarkan persilaan dan perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda untuk bercemar duli berangkat ke majlis tersebut pada Mac depan.

Selain itu, Naib Canselor juga telah menyebarkan maklum tentang pelancaran Nombor Plat Eksklusif UUM serta pelaksanaan dan perancangan Skim Dana Wakaf Tunai dan Tabung Endowment UUM.

Beliau juga menyebarkan maklum cadangan bagi membina Bangunan Kelab Golf baharu UUM berhadapan dengan lapangan golf 'lubang ke-18' dan bangunan asal Kelab Golf yang kini digunakan sebagai bangunan Akademi Golf.

Selain itu, dalam majlis menghadap ini, beliau telah menyebarkan persilaan terhadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk mengadakan lawatan ke DreamEDGE Sdn. Bhd. setelah UUM memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) pada Ogos lalu dan syarikat tersebut kini sedang melaksanakan projek berasaskan *virtual reality* ke atas Galeri UUM yang berada di Bangunan Canselori.

Pada masa sama, Naib Canselor memohon limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda untuk bercemar duli berangkat ke Majlis Berbuka Puasa dan Kurnia Ramadan Peringkat UUM pada 5 Mei depan di pekarangan Masjid Sultan Badlishah.

Beliau juga menyebarkan persilaan dan perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda untuk bercemar duli berangkat ke Majlis Penamaan Bangunan Canselori kepada 'Canselori Sultan Sallehuddin', Syarahan Diraja yang akan dipersembahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman dan Pelancaran Songket Sintok oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah pada 30 Jun nanti.

Pada majlis menghadap itu, Naib Canselor juga menyebarkan maklum kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku tarikh Majlis Konvokesyen ke-33 UUM yang dicadangkan pada bulan Oktober, seterusnya menyebarkan persilaan dan perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda untuk bercemar duli berangkat ke majlis itu.

Akhir sekali, Naib Canselor mempersembahkan perkembangan terkini UUM untuk makluman Duli Yang Teramat Mulia Tuanku.

Hadir sama Pendaftar, Baharudin Yaacob; Pengarah Canselori, Mohd Zamri Ahmad; Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan, Ir. Md. Uzairin Saidin, Pengarah UUM Corporate Communication, Rasidah Rodzi dan pegawai-pegawai kanan universiti.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.